

Pengusaha walet Sabah sukar dapat lesen

By Farah Ci

TAWAU 13 Mac — Kesukaran memperoleh lesen dikenal pasti sebagai antara punca utama mengapa tidak ramai kaum Bumiputera di Sabah melibatkan diri dalam industri sarang burung walet, menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjung Batu, Datuk Hamisa Samat.

Katanya, walaupun industri itu diyakini mampu membawa pulangan besar kepada ekonomi negeri jika diusahakan secara besar-besaran, namun faktor lesen berkenaan tidak menyelahi Bumiputera untuk bersama-sama menjana ekonomi negeri Sabah.

“Golongan Bumiputera tidak ramai yang menceburkan diri dalam industri ini jika dibandingkan masyarakat Cina yang telah sinonim dengan industri berkenaan.

“Sebahagian besar daripada pengusaha ini telah patah semangat untuk mencebur industri tersebut kerana menunggu kelulusan (lesen) yang terlalu lama,” katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Menurut Hamisa, industri burung walet mempunyai nilai ekonomi yang tinggi dan berupaya



MENTERNAK burung walit merupakan perusahaan yang berpotensi tinggi untuk menghasilkan pulangan yang lumayan .

meningkatkan ekonomi setempat serta boleh menjadi sumber pendapatan alternatif kepada para petani dan nelayan untuk mengusahakannya secara serius.

Industri itu boleh dikendalikan secara kecil-kecil menggunakan modal yang sedikit namun hasilnya dapat dinikmati sepanjang ha-

yat, katanya.

“Industri ini mempunyai potensi yang amat besar kerana sarang burung walet mempunyai nilai perubatan yang tinggi dan mendapat pasaran yang baik di kebanyakan negara Asia seperti China, Hong Kong, Singapura, Jepun dan Asia Pasifik,” katanya. - BERNAMA